

BULETIN UPIK

UNIT PENYELIDIKAN, INOVASI DAN KOMERSIL



MENARIK DI DALAM

- **2nd Innovation Conference And Exhibition 2012**
- **Kolokium Penyelidikan Pmm 2012 Peringkat Kebangsaan**
- **Anugerah Inovasi Kementerian Pengajian Tinggi (Aikpt) 2012**
- **Majlis Pelancaran Mengubah Destini Anak India Malaysia**
- **2 Produk Pmm Memenangi Myinovasi2012 Peringkat Zon Selatan**

**2ND INNOVATION CONFERENCE
AND EXHIBITION 2012
(INNOCONF2012)**

B
U
L
E
T
I
N

Politeknik Merlimau, Melaka (PMM) mencipta kejayaan apabila pembentangan terhadap kajian produk inovasi dari Jabatan Pelancongan & Hospitaliti menerima hadiah utama iaitu Anugerah Emas dalam Innovation Conference and Exposition 2012 (INNOCONF 2012) yang berlangsung di Politeknik Premier Sultan Salahuddin Abdul Azizi Shah, Shah Alam, Selangor. Program anjuran Eduxplore Sdn Bhd bersama Malaysia Industry-Government Group For High Technology (MIGHT) sebuah organisasi di bawah Jabatan Perdana Menteri dan Prominent Line Sdn Bhd, dengan kerjasama Jabatan Pengajian Politeknik (IPP) dan Politeknik Premier Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah ini adalah sebahagian daripada insiatif dalam menyemai dan memupuk budaya inovasi di Malaysia, selaras dengan aspirasi kerajaan terhadap ekonomi berdasarkan inovasi menjelang 2020.

Dalam INNOCONF 2012 ini pensyarah Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti, PMM telah membentangkan kertas kerja dengan tajuk *Tahap Penerimaan Masyarakat Sekitar Merlimau Pasir Terhadap Minuman Lemonade Henna* melayakkan mereka menerima Anugerah Emas. Produk yang dinamakan sebagai *Lemonade Henna* adalah hasil inovasi dari Jabatan Pelancongan & Hospitaliti, PMM yang menampilkan daun inai sebagai bahan utama ini pernah menerima Anugerah Pengarah dalam Minggu Inovasi Politeknik Merlimau pada bulan April lalu. Politeknik Merlimau Melaka telah menghantar 10 pembentangan melalui kertas kerja bertajuk *Safety Net Binder (Nutshell)* dan *Kajian Terhadap Penerimaan Multipurpose Kerabu Powdwer Di Kalangan Warga Politeknik Merlimau*.



KOLOKIUM PENYELIDIKAN PMM 2012 PERINGKAT KEBANGSAAN



Pengarah Program Tn Syed Abd Halim Bin Syed Yusof Membentangkan Kertas Kerja Di Kolokium Penyelidikan PMM Peringkat Kebangsaan Tahun 2012

Program ini telah dilaksanakan pada 5 & 6 Dis 2012. Objektif program ini adalah bagi membudayakan bidang penyelidikan di kalangan warga IPTA di negeri Melaka, memberi peluang dalam menghasilkan penyelidikan, inovasi dan keusahawanan dan sumbangannya kepada warga IPTA di negeri Melaka, mempertingkatkan kecemerlangan pendidikan teknik dan vokasional di IPTA dan membina jaringan antara warga politeknik dan kolej komuniti dalam perkongsian idea dan hasil penyelidikan Kumpulan sasaran bagi program ini adalah dari Universiti : Universiti Teknikal Melaka (UTeM), Universiti Teknologi Mara, Melaka (UiTM), Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM). Politeknik : Politeknik Merlimau Melaka, Politeknik Kota Melaka dan Kolej Komuniti :Kolej Komuniti Alor Gajah, Melaka Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka, Kolej Komuniti Jasin, Melaka dan Kolej Komuniti Selandar, Melaka.

Program selama dua hari ini telah mengemukakan 30 kertas pembentangan dari pelbagai IPTA dan dirasmikan oleh Prof Madya Datuk Abu Bakar Mohd Diah, Ketua Pegawai R & D, Jabatan Ketua Menteri Melaka.



PROGRAM MYINOVASI 2012

Program Inovasi 2012 telah menyerlahkan kecemerlangan penciptaan Smart Bulb Changer yang telah dilaksanakan oleh penyelia rekaan En Ruslan Abd Jalil (JKM) serta dibantu oleh pelajar yang hebat iaitu Mohd Hazwan Mohd Tahir, Mardiana Musa dan Che Noorull Azmira Che Daud

- Objektif Pertandingan :
- Membolehkan pelajar mengembangkan daya kreativiti dan inovasi melalui pertandingan inovasi dan kreativiti;
- Memberi impak dan manfaat secara langsung kepada masyarakat dan industri;
- Memupuk keupayaan bekerja secara pasukan dalam suasana pelbagai latar belakang;
- Memupuk budaya berdaya saing dan kelestarian inovasi dalam kalangan pelajar; dan
- Menanam sifat keprihatinan terhadap keperluan masyarakat dan alam sekitar.

Tema ‘inovasi berbudi masyarakat lestari’ memaparkan hasrat dan semangat yang mengharapkan setiap inovasi yang dihasilkan oleh pelajar sentiasa berpaksikan kepada niat dan aspirasi untuk berbakti kearah mewujudkan sebuah masyarakat yang lestari.

ANUGERAH INOVASI KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI (AIKPT) 2012

Tahniah kepada PMM !,
kerana berjaya mendapat gangsa di

ANUGERAH INOVASI KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI (AIKPT) 2012
yang telah diadakan pada :

Tarikh : 18 Oktober 2012 (Khamis)

Masa : 11.00 pagi - 4.30 petang

Tempat : Bilik Mesyuarat Ibnu Qayyim 1, Aras 3, Majlis Profesor Negara
No.2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5, 62200 Putrajaya.

Projek Inovasi tersebut adalah I-Koko / Pengurusan Data Pelajar Kokurikulum I-JSKK. Tiga Pensyarah yang terlibat adalah En. Saiful Bahri Bin Omar (JSKK), En. Mohd Anwar Md Yassin (Unit Peperiksaan) dan En. Erizman Bin Soib (Pensyarah JKE).



Politeknik Merlimau Raih Tempat Ke-6 MyInovasi 2012 Kebangsaan

Dua pasukan dari Politeknik Merlimau (PMM) telahberjaya memenangi MyInovasi2012 peringkatZon Selatan dengan membawa pulang geran inovasi bernilai RM5,000.00 pada 1-2 Oktober 2012 yang berlangsung di Politeknik Ibrahim Sultan, Johor Bahru. Dua pasukan ini seterusnya layak mara keperingkat kebangsaan yang diadakan pada 26-29 November 2012 di KL Sentral untuk merebut geran inovasi bernilai RM50,000.00. Pertandingan MyInovasi 2012 adalah pertandingan inovasi dan kreativiti yang menjadi program panji mercu Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk memupuk budaya inovasi dan kreativiti demi manfaat kepada masyarakat. Pertandingan inovasi ini terbuka kepada pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) iaitu Universiti, KolejUniversiti, Politeknik dan KolejKomuniti.Tema Inovasi Berbudi Masyarakat Lestari memaparkan hasrat dan semangat yang mengharapkan setiap inovasi yang dihasilkan oleh pelajar sentiasa berpaksikan kepada niat dan aspirasi untuk berbakti ke arah mewujudkan sebuah masyarakat yang lestari.Dua pasukan Politeknik Merlimau ke peringkat akhir Pasukan My-ZST1-0223 *Smart Bulb Changer* di bawah selian En. Ruslan bin Abdul Jalil darijabatan Kejurteraan Mekanikal dan Pasukan My-ZST1-0047 *Design for Multipurpose Stick* di bawah selian En. Rufaizal bin Che Mamat darijabatanKejuruteraanAwam. Pasukan diwakili En.Ruslan bin Abdul Jalil berjaya mendapat tempat ke-6 dalam MyInovasi2012 Peringkat Kebangsaan.



MyINOVASI2012
INOVASI BERBUDI MASYARAKAT LESTARI



**PERKAYA INOVASI PMM
(PROGRAM MEMPERKASA DAN
MEMBUDAYA INOVASI)
POLITEKNIK MERLIMAU**



Program ini telah dilaksanakan pada 6 November 2012 bertempat di Dewan Platinum PMM dengan temanya Idea dan Inovasi Pencetus Kecemerlangan

PENAMBAHBAIKAN

Produk yang berjaya akan diketengahkan samada akan memasuki pertandingan inovasi yang bersesuaian, dipatenkan, dikomersilkan, dibuat penyelidikan lanjut dan sebagainya mengikut keperluan yang bersesuaian.

Kaunter pengumpulan dan pengiraan markah. Sistem pemungutan markah daripada panel juri pada hari majlis menampakkan kematangan dalam era pengurusan hari inovasi di PMM.

Kaunter pendaftaran memberikan impak besar dalam menentukan kehadiran pelajar dan penyelia projek pada hari raptai dan majlis berlangsung.

Perlantikan panel juri adalah daripada IPTA, industri dan persatuan inovasi Malaysia memberikan impak besar bilamana produk dapat dinilai mengikut penghasilannya samada sains sosial atau teknikal.

KESIMPULAN

Program ini berjaya dilaksanakan dan mendapat sambutan daripada warga PMM. Kemenangan adalah kepada produk yang bersesuaian dan memenuhi kriteria yang telah disenaraikan dalam borang pemarkahan dan menerusi kesepakatan perbincangan panel juri. Adalah diharapkan pada masa akan datang akan lebih memberikan kualiti penghasilan produk inovasi dikelangan pelajar politeknik akan dapat dihasilkan.



MAJLIS PELANCARAN MENGUBAH DESTINI ANAK INDIA MALAYSIA



Politeknik Merlimau telah menyertai pameran Majlis Pelancaran Mengubah Destini Anak India Malaysia yang diadakan di Politeknik Port Dickson 22 hingga 23 Februari 2013 (Sabtu & Ahad). Sebanyak 5 produk pelajar telah diketengahkan iaitu Smart Dustbin, Wireless Signboard, Smart Water Trap, Jack Hang Door, dan Smart Bulb Changer. Sehubungan dengan itu seramai 10 orang pelajar PMM terlibat dalam mengetengahkan produk tersebut sekali gus telah berjaya mencapai objektif yang telah digariskan antaranya adalah memberi pendedahan kepada pelajar berkomunikasi secara 'real' dengan pelbagai lapisan masyarakat. Melalui pameran ini pelajar PMM dapat mengembangkan daya kreativiti dan inovasi selain memupuk keupayaan bekerja secara pasukan antara pelajar dan pensyarah dalam memjayakan pameran tersebut. Penyertaan pameran ini merupakan salah langkah yang bijak dalam mempromosikan produk yang dihasilkan oleh pelajar PMM kepada masyarakat setempat.

